

21/06/1999

Boneka pembangkang dalam pelbagai bentuk: Siti Zaharah

AHLI Umno diingatkan supaya tidak cuai walaupun sesaat dalam meneruskan perjuangan parti, khususnya terhadap boneka pihak lawan yang boleh menjelma dalam apa jua bentuk.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, dalam ucapan penggulungannya berkata, boneka pembangkang itu boleh wujud dalam pelbagai bentuk sama ada kawan, lawan, teman, bantuan dan pinjaman.

"Sebagai ahli Umno, kita semua harus sedar dan bertindak menghadapi perkara ini kerana kita mempunyai amanah dan tanggungjawab untuk mempertahankan bangsa, agama dan negara selaras perjuangan Umno," katanya.

Dr Siti Zaharah berkata, pembangkang sanggup menggunakan apa saja muslihat termasuk menggunakan lambang untuk menukar persepsi rakyat terhadap kerajaan begitu juga terhadap sumbangan Umno dan Barisan Nasional (BN) kepada negara.

Sehubungan itu juga, beliau berkata Petronas akan diarah menukar logonya bagi mengelakkan rasa tidak senang ahli Umno berikutan ia dikatakan menyamai lambang Pas.

Menurutnya, perubahan logo Petronas yang dibuat anak syarikatnya, Petronas Dagang Sdn Bhd sejak 1964 itu disebabkan tidak mempunyai nilai komersil ekoran susun warnanya yang tidak sesuai.

"Logo lama dengan lambang hijau, bergelang putih dan berlatarbelakangkan hijau ini dikatakan tidak mempunyai nilai komersil dan daya saing selain mudah kotor.

"Bagaimanapun, jika lambang bulat putih, bergelang hijau dan berlatarbelakangkan putih itu menimbulkan masalah, kita akan arahkan Petronas membuat pertukaran ... dengan izin Presiden Umno," katanya sambil menerima tepukan dan sorakan daripada perwakilan.

Menyentuh mengenai dakwaan wujudnya elemen antikerajaan di kalangan kakitangan Petronas, beliau berkata Umno dan kerajaan perlu bersikap membina bagi menangani perkara itu.

"Tidak semua dakwaan ini benar ... kerana jika ya, tidak mungkin mereka sanggup bekerjasama dengan kerajaan menghadapi kegawatan ekonomi dan bersama-sama membangunkan Petronas sebagai sebuah syarikat yang terbesar di dalam negara dan di peringkat antarabangsa," katanya.

Sambil mengulangi pendirian Wanita Umno untuk teguh bersama kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau juga mengajak semua ahli Umno bersatu bersama pucuk pimpinan bagi menghadapi musuh negara.

(END)